

**SOALAN NO. : 59**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ]**

**TARIKH : 24 MAC 2015**

**SOALAN:**

**Datuk Raime bin Unggi [ Tenom ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah usaha pihak Kementerian untuk menangani masalah tebing sungai runtuh semasa kejadian banjir terutama di kawasan penempatan penduduk kampung P.181 Tenom.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran(JPS) Malaysia telah menjalankan satu Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir Lembangan Sungai Padas Negeri Sabah yang mencadangkan kaedah membina tembok banjir untuk mengurangkan kesan banjir limpahan air di Sungai Padas dan Sungai Pegalan di daerah Tenom khususnya Pekan Tenom dan kawasan hingga ke Kampung Uloi. JPS akan mengemukakan cadangan reka bentuk terperinci untuk struktur tembok banjir ini dalam RMKe-11. Pelaksanaan projek tersebut dapat mengatasi masalah banjir dan sekaligus masalah tebing sungai runtuh di kawasan Kampung Uloi ke Pekan Tenom.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, JPS akan mengemukakan cadangan pelaksanaan projek Rancangan Pengukuhan Tebing Sungai Lembangan Sungai Padas Daerah Tenom untuk menangani masalah tebing sungai runtuh semasa kejadian banjir di kawasan penempatan penduduk Kampung Batu Kelamba, Kampung Liau, Kampung Pogoukon Laut, Kampung Natanduan, Kampung Makakumpai, Kampung Tuan, Kampung Gunting, Kampung Kanar, Kampung Pansailon, Kampung Bunut, Kampung Makalani dan Kampung Binai di Daerah Tenom.

Sekian terima kasih.